



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

| Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
2023
Volume 19 Issue II

ADVISORY BOARD MEMBER

PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

EDITORIAL TEAM

AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL TECHNICAL TEAM (MYJURNAL ADMINISTRATOR)

KHAIRUL WANIS AHMAD
NOOR AZLIN ABDULLAH
MAZURIAH AHMAD

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA

UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT

FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI

FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN

SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

DR. IRA PATRIANI

FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & POLITIC,
UNIVERSITAS TANJUNGPURA UNTAN, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS

FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH UMS, SABAH

DR. SIMON JACKSON
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

ASSOCIATE PROFESSOR DR. WAN ADIBAH WAN ISMAIL
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

ASSOCIATE PROFESSOR DR. AZLYN AHMAD ZAWAWI
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. AZYYATI ANUAR
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM, MALAYSIA

DR ROSIDAH AHMAD
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA TS DR ASMADI MOHAMMED GHAZALI,
UiTM KEDAH BRANCH

PROF MADYA TS DR AZHARI BIN MD HASHIM,
UiTM KEDAH BRANCH

PROF. MADYA DR WAN ADIBAH BINTI WAN ISMAIL,
UiTM KEDAH BRANCH

DR AZYYATI BINTI ANUAR,
UiTM KEDAH BRANCH

DR AZFAHANEE BINTI ZAKARIA,
UiTM KEDAH BRANCH

JUWAIIRIAH OSMAN,
UNIVERSITI MALAYA

DR LAW KUAN KHENG,
UiTM KEDAH BRANCH

DR MAHADZIR BIN ISMAIL,
UiTM KEDAH BRANCH

DR MOHD NOR SYAHRIR ABDULLAH,
UNIVERSITI MALAYA

DR MOHD ZOOL HILMIE BIN MOHAMED SAWAL,
UiTM KEDAH BRANCH

DR MUHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN ZULKEPLI,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NAZNI BIN NOORDIN,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NOR ARDYANTI BINTI AHMAD,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NOR AZRINA BINTI MOHD YUSOF @ GHANI,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NUR AIDA BINTI KIPLI,
UiTM SARAWAK BRANCH

DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,
UiTM KEDAH BRANCH

DR REEZLIN ABD RAHMAN,
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI BALING KEDAH

DR SITI NORFAZLINA BINTI YUSOFF,
UiTM KEDAH BRANCH

DR SHATINA SAAD,
UITM SHAH ALAM

LANGUAGE REVIEWER

AISHAH BT MUSA,
APB UiTM KEDAH BRANCH

AZLAN BIN ABDUL RAHMAN,
APB UiTM KEDAH BRANCH

AZRUL SHAHIMY BIN MOHD YUSOF,
APB UiTM KEDAH BRANCH

BAWANI A/P SELVARAJ,
APB UiTM KEDAH BRANCH

DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,
APB UiTM KEDAH BRANCH

DR WAN IRHAM BIN ISHAK,
APB UiTM KEDAH BRANCH

HAWA SYAMSINA MD SUPIE,
UiTM SHAH ALAM

HO CHUI CHUI,
APB UiTM KEDAH BRANCH

JUWAIIRIAH OSMAN,
UNIVERSITI MALAYA

MAS AIDA BINTI ABD RAHIM,
APB UiTM KEDAH BRANCH

MUHAMMAD ZAKI RAMLI,
PROOFREADERS UNITED

NOR ASLAH BINTI ADZMI,
APB UiTM KEDAH BRANCH

NORLIZAWATI BINTI MD TAHIR,
APB UiTM KEDAH BRANCH

NURAZILA BT ABDUL AZIZ,
APB UiTM KEDAH BRANCH

NURUL SYAFIQAH BINTI SAM,
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG
PROFESSIONAL EDITOR: TAKIERA ENTERPRISE
PROFESSIONAL EDITOR: PUSTAKA MADANI

SHAFINAH BINTI MD SALLEH,
APB UiTM KEDAH BRANCH

SAMSIAH BINTI BIDIN,
APB UiTM KEDAH BRANCH

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2023 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

INVESTIGATING THE IMPACT OF MACROECONOMIC VARIABLES ON KLCI MALAYSIA'S STOCK MARKET RETURN: THREE DECADES OF OBSERVATION Aqilah Syafiqah Abd Aziz ¹ , Farah Farisha Akhdar Ahmad ² , Melissa Nur Hazirah Masrom ³ , Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil ⁴ & Nur Fatimah Shaari ⁵	1 - 14
THE NORMALISATION OF TROLLING ON SOCIAL MEDIA Che Nooryohana Zulkifli ¹ , Nur Afiqah Ab. Latif ^{2*} , Ruzai Syarilili Aiyu Abdul Rashid ³ & Mohamad Putera Idris ⁴	15 - 26
EXPLORING OLDER PEOPLE'S EXPERIENCES OF AGEING IN PLACE: A SCOPING REVIEW Noorlailahusna Mohd Yusof ^{1*} & Suziana Mat Yasin ²	27 - 38
POVERTY ASSESSMENT INITIATIVES IN SELECTED ASEAN COUNTRIES Roshima Said ^{1*} , Noor Zahirah Mohd Sidek ² , Azlyn Zawawi ³ & Mahadir Ladisma @Awis ⁴	39 - 53
INVESTIGATING THE MACROECONOMIC DETERMINANTS OF HOUSING PRICE INDEX (HPI) IN MALAYSIA Luqmanul Hakim Johari ^{1*} , Muhammad Naqib Zainuddin ² , Muhammad Nur Affandi Ja'afar ³ , Muhammad Nurizz Hakim Razali ⁴ , Nurul Amira Bazli ⁵ & Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil ⁶	54 - 71
PRE-SERVICE SCIENCE TEACHER'S MISCONCEPTIONS OF THE CHEMICAL BONDS Nur Farha Shaafi ^{1*} , Nurul Nabilla Mohammad Khalipah ² & Nabilah Abdulla ³	72 - 98
REALISING SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS VIA ORGANISATIONAL MENTAL HEALTH WORK PLAN: RESOURCE-BASED VIEW PERSPECTIVE Corina Joseph ¹ , Nur Izyan Ismail ^{2*} & Siti Aimi Yasin ³	99 - 113
NEW TRENDS OF CLOUD KITCHEN TECHNOLOGY AND CONSUMERS' PURCHASE DECISIONS: A CONCEPTUAL STUDY Nurul Syahirah Idris ¹ , Muhammad Afiq Zulkifly ² , Muhammad Safuan Abdul Latip ^{3*}	114 - 126
SOCIAL MEDIA INFLUENCER IN MALAYSIA: A REVIEW OF LITERATURE AND FUTURE DIRECTION Mohamad Hafiz Rosli ^{1*} , Nor Azah Jahari ² , Muzairihana Md Moid ³ , NorHazwani Hassan ⁴ , Farahwahida Mohd@Abu Bakar ⁵	127 - 138
FREE TOOLS FOR PARAPHRASING: TO USE OR NOT TO USE Ho Chui Chui	139 - 156
TRAINING, REWARDS, AND APPRAISAL SYSTEM: PREDECESSORS AND INFLUENCES ON JOB PERFORMANCE Nur Ayunis Syairah Mohamad Zaidi ¹ & Nurul Hidayana Mohd Noor ^{2*}	157 - 169
IDENTIFYING CHARACTERISTICS SHAPING MALAYSIAN UNDERGRADUATES' ORGANIZATIONAL CITIZENSHIP BEHAVIORS Shaiful Annuar Khalid ^{1*} , Norshimah Abdul Rahman ²	170 - 187
REAKSI PEMIMPIN DAN MASYARAKAT TERHADAP BANTUAN PRIHATIN NASIONAL Intan Syahriza Azizan ^{1*} & Junaida Ismail ²	188 - 194
LAPISAN MAKSUD DALAM KENYATAAN MEDIA ISTANA NEGARA 24 NOVEMBER 2022: SATU ANALISIS TEKSTUAL Nazima Versay Kudus ^{1*} & Wan Noorli Razali ²	195 - 202

PEMBANGUNAN SISTEM STUDENTS' COMPREHENSIVE ONLINE EXERCISES (SCORE) SEBAGAI LATIHAN TAMBAHAN BAGI KURSUS MATH2 Shahida Farhan Zakaria ¹ , Afida Ahmad ² , Liana Najib ³ , Nor Athirah Mohd Zin ⁴ , Siti Nur Alwani Salleh ⁵ , Suhardi Hamid ⁶ & Ahmad Afif Ahmarofi ⁷	203 - 215
ONLINE TEACHING-LEARNING IN HIGHER EDUCATION DURING THE LOCKDOWN PERIOD OF THE COVID-19 PANDEMIC Roshidah Safeei ¹ , Hawa Syamsina Md Supie ²	216 - 229
INTELLECTUAL CAPITAL EFFICIENCY: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN MALAYSIAN AND SINGAPOREAN MANUFACTURERS Naqiah Awang ¹ , Nur Syafiqah Hussin ² , Fatin Adilah Razali ³ & Shafinaz Lyana Abu Talib ⁴	230 - 241
DIGITAL LITERACY AMONG STUDENTS: A CASE STUDY AT CENTRE OF FOUNDATION STUDY IN MANAGEMENT Zahayu Md Yusof ¹ , Lim Qing Jun ² , Goh Hong Quan ³ , Anis Hanisah Sobri ⁴ & Nur Athirah Mahmud ⁵	242 - 254
A STUDY ON MOTIFS OF SASAK TRADITIONAL WEDDING UNDERGARMENT DODOT AND BENDANG IN THE CONTEXT OF SOCIO-CULTURE Lalu Rizkylan Hakiky ¹ & Arba'iyah Ab. Aziz ²	255 - 270
A TEACHING STRATEGY FOR DYSLEXIC CHILDREN: UTILISING A MULTI-SENSORY APPROACH Norarifah Ali ¹ , Azhari Md Hashim ² , Mohamad Hariri Abdullah ³ , Muhammad Nidzam Yaakob ⁴ & Roslinda Alias ⁵	271 - 283

LAPISAN MAKSUD DALAM KENYATAAN MEDIA ISTANA NEGARA 24 NOVEMBER 2022: SATU ANALISIS TEKSTUAL

Nazima Versay Kudus^{1*} & Wan Noorli Razali²

*^{1,2}Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Jalan Permatang
Pauh, 13500 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.*

ARTICLE INFO

Article history:

Received Jan 2022

Accepted Mei 2023

Published June 2023

Keywords:

Kenyataan Istana Negara,
lapisan maksud, analisis
tekstual

Corresponding Author:
nazima@uitm.edu.my

ABSTRACT

The Istana Negara Media Statement dated 24 November 2022 by His Majesty the King, Duli Yang Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong for media practitioners and rakyat on the appointment of the 10th Prime Minister comprises rich underlying meanings. Using textual analysis, this study investigated the use of words and structures in conveying implied meaning. The study found that this text clearly states the decision-making process by His Majesty the King and His Majesty's recommendations to the Prime Minister and national leaders. In addition, Royal and Arabic terms as well as Malay proverbs have been used to reinforce this purpose.

Kenyataan Istana Negara bertarikh 24 November 2022 daripada ke Bawah Duli Yang Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk makluman pengamal media dan rakyat akan pelantikan Perdana Menteri ke-10 sebenarnya kaya dengan lapisan maksud yang dalam dan tersirat. Menggunakan analisis tekstual, kajian ini melihat penggunaan perkataan dan ayat dalam menyampaikan maksud yang tersirat. Kajian mendapati teks ini menyatakan dengan jelas akan proses membuat keputusan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda dan saranan Baginda terhadap Perdana Menteri dan barisan pemimpin negara. Selain itu, bahasa istana, istilah bahasa Arab dan peribahasa Melayu telah digunakan bagi memperkukuh lagi tujuan ini.

1. Pengenalan

Kenyataan media Istana Negara merupakan wadah rasmi daripada Ketua Negara, ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk makluman pihak media dan rakyat jelata. Kenyataan yang dikeluarkan, ditandatangani dan dihebahkan oleh jurucakap rasmi Istana Negara, Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana. Kenyataan media dikeluarkan sempena perkara-perkara penting yang melibatkan institusi diraja, negara dan dunia. Umpamanya pada tahun 2022, setakat bulan November sahaja, sebanyak dua buah kenyataan media dikeluarkan oleh Istana Negara. Pertama, tentang prosedur pemeriksaan kesihatan Baginda di Institut Jantung Negara dan keberangkatan Baginda dan Raja Permaisuri Agong ke United Kingdom sempena Pemakaman Negara mendiang Ratu Elizabeth II. Kenyataan yang kedua pula adalah tentang pelantikan Perdana Menteri Malaysia yang ke-10.

Kenyataan media yang dikeluarkan bukan sahaja perkhabaran tentang sesuatu peristiwa, malah kaya dengan maksud-maksud tersirat tentang penyampainya dan juga audiensnya. Umpamanya, kenyataan media pada tarikh 24 November 2022 tentang pelantikan Perdana Menteri Malaysia yang ke-10, kaya dengan pelbagai lapisan maksud yang tersurat dan tersirat. Untuk menganalisisnya, satu kajian tekstual dilakukan ke atas wacana tersebut.

2. Objektif kajian

Apakah lapisan makna dalam kenyataan media Istana Negara bertarikh 24 November 2022?

Apakah maksud lapisan makna kenyataan media Istana Negara bertarikh 24 November 2022?

3. Sorotan Kajian

Penggunaan Bahasa Istana/Bahasa Diraja

Istilah Bahasa Istana atau Bahasa Diraja digunakan silih berganti. Bahasa ini digunakan apabila salah satu pihak melibatkan ahli keluarga diraja (Asmah Haji Omar, 2016). Menurut Asmah lagi antara ciri khusus bahasa tersebut termasuk penggunaan ungkapan dan perbendaharaan kata, peraturan nahu, pengulangan, pemulukan dan pendinaan. Di Brunei Darussalam, bahasa istana yang disebut sebagai 'bahasa dalam' mempunyai keindahan yang tersendiri. Mohammad Khairol Nazwan Haji Karim (n.d.) menyenaraikan sifat-sifat bahasa dalam sebagai bahasa tingkat tinggi, bersantun dan berkias, mempunyai simbol kemuliaan, menutup kelemahan, berkolokasi, kata beralas, bernada usulan atau cadangan dan bersimbolik atau berlambang.

Kajian tentang sosiolinguistik dan sosiobudaya Bahasa Istana Kelantan menunjukkan perbezaan antaranya dengan bahasa biasa yang digunakan masyarakat Melayu Kelantan. Perbezaan dapat dilihat daripada segi bentuk sapaan dan panggilan, tatabahasa, makna, sebutan, kosa kata dan penggunaan kata ganti nama diri (Zulkeflee Yaacob, 2009). Kajian lain tentang bahasa istana Kelantan dilakukan oleh Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi (2019). Mereka menyenarai perbendaharaan kata khusus (perbendaharaan kata diraja, kata ganti nama diri, dan ungkapan tertib) dalam bahasa istana Kelantan dan contoh-contoh penggunaannya yang berbeza dengan masyarakat biasa.

Bahasa istana digunakan dalam pelaksanaan tatacara istiadat diraja seperti pertabalan. Semasa istiadat pertabalan KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al Muadzam Shah pada tahun 1975, pembacaan warkah pertabalan, pemasyhuran, pemakaian alat kebesaran dan lafaz ikrar taat setia rakyat kepada Baginda Sultan menggunakan laras bahasa istana (Awang Azman Awang Pawi & Hayati Adnan, 2022).

Penggunaan bahasa istana juga dapat dilihat dalam sebahagian dialog filem-filem Melayu seperti *Puteri Gunung Ledang* (Sharifah Nur Mursalins Syed Azmy, 2018), *Nujum Pak Belalang* (Mastura Muhammad, 2006) dan animasi *Puteri Saadong* (Nur Yuhanis Mohd. Nasir, Rahmah Bujang & Eizan Mat Hussain, 2016).

Azura Halid (2022) menyenaraikan tujuan penggunaan bahasa istana. Masyarakat Melayu menggunakan bahasa halus untuk menunjukkan tanda penghormatan kepada raja yang memerintah, bangsa serta budaya Melayu. Bentuk dan gaya bahasa istana yang bersopan menunjukkan keperibadian yang hebat dan ciri berbudi bahasa. Tambahan beliau lagi bahasa istana tidak bertujuan merendahkan martabat rakyat jelata. Malah ia merupakan satu adat, budaya, jati diri dan warisan masyarakat Malaysia yang perlu dipelihara (Zulkeflee Yaacob, 2013). Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Jaafar (2016) dipetik menyatakan mahkota dan keris adalah simbol kedaulatan dalam Hikayat Hang Tuah. Begitu jugalah bahasa Melayu dan bahasa istana yang melambangkan kedaulatan suatu negara dan pemerintah.

Menurut Asmah Haji Omar (2016), Bahasa Diraja adalah variasi Bahasa Melayu yang paling halus dan penuh sopan santun dan Malaysia adalah sebuah negara demokratik dan beraja yang semakin meningkat maju. Seajar dengan kemajuan yang dikecapi, masyarakat juga seharusnya mengamalkan sopan-santun dalam interaksi sosial kerana ia adalah lambang sebuah bangsa yang bertamadun.

Kenyataan Media

Pada zaman kesultanan Melayu, utusan kerajaan memainkan peranan penting menjalin hubungan diplomatik antara negeri atau negara (Salmah Jan Noor Muhammad, 2014). Pergantungan kepada seorang utusan yang berkredibiliti itu penting untuk menyampaikan niat raja. Selain daripada utusan, surat-menyurat istana yang dikirim oleh raja kepada raja-raja Melayu ataupun pihak luar turut dikarang oleh pujangga istana atau *bat* (Noriah Mohamed, 1999). Kini kemajuan teknologi telah membolehkan kenyataan media dikeluarkan oleh pejabat Pengelola Bijaya Diraja terus kepada pengamal media dan rakyat jelata.

Kenyataan media mempunyai impak yang penting sebagai wadah komunikasi antara satu pihak dengan pihak yang lain. Menurut Sortino (n.d), kenyataan media ialah satu bentuk dokumen yang mengandungi berita yang dikeluarkan oleh satu pihak untuk dikongsikan bersama pengamal media dan juga orang ramai. Secara amnya sesebuah syarikat, agensi mahupun kerajaan menyebarkan kenyataan media untuk menyampaikan maklumat berkaitan perubahan yang sedang atau telah berlaku (Sortino, n.d) yang mana perubahan ini memberikan impak yang besar kepada sekumpulan orang yang ramai atau mereka yang tidak saling berhubung (Jacobs & Connor, n.d).

Kenyataan media oleh yang demikian adalah satu wadah yang penting dalam menyampaikan satu bentuk perubahan yang signifikan dan pastinya wajar diberikan perhatian dan penelitian. Walaupun terserlah akan kepentingannya, kajian berkaitan kenyataan media kurang diberikan perhatian dalam kalangan pengkaji tempatan dan tiada kajian yang dicatatkan berkaitan kenyataan media yang dikeluarkan oleh pihak istana.

4. Metodologi kajian

Kajian ini berbentuk kajian tekstual, satu kaedah menghurai dan metafsir mesej yang diperolehi secara bertulis atau visual (Frey, Botan & Kreps, 1999) dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Analisis kandungan secara kualitatif melihat teks sebagai satu wadah interpretasi makna tersirat yang mendalam dan subjektif berbanding analisis kandungan kuantitatif yang lebih mementingkan pengiraan dan aspek yang hanya tersurat. Analisis ini

dilakukan melalui pengekodan dan pengkategorian bagi mengenal pasti dan menganalisis tema-tema yang terkandung di dalam teks kenyataan media Istana Negara bertarikh 24 November 2022.

Prosedur analisis kandungan kualitatif secara induktif bermula dengan pemilihan bahan iaitu pemilihan kenyataan media. Kemudian, pemeriksaan dan perbandingan berulang dilakukan bagi proses pengekodan terbuka. Seterusnya, pengelompokan data, pengurangan jumlah kategori dan penggabungan tema yang serupa dilakukan. Setelah mengenal pasti tema-tema yang ada, analisis dilakukan pula dengan melihat maksud kepada data yang telah dikumpulkan.

5. Dapatan dan Perbincangan

Kenyataan Media tersebut dikeluarkan oleh Pengurusan Istana Negara diketuai oleh seorang Ketua Jabatan yang bergelar Datuk Pengelola Bijaya Diraja (Laman Web Rasmi Istana Negara, 2019). Tugas beliau adalah mengeluarkan kenyataan rasmi daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong (KDYMM). Intipati yang dipetik oleh pihak media di kebanyakan akhbar adalah tertumpu kepada pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10. Namun, teks media tersebut sebenarnya kaya dengan pelbagai lapisan makna dan maksudnya. Berikut adalah lapisan makna yang telah dikenal pasti menjadi intipati kenyataan media tersebut.

Proses Membuat Keputusan

Kenyataan media kajian memperincikan proses KDYMM Seri Paduka Baginda membuat keputusan tentang pelantikan Perdana Menteri. Pertama, Baginda telah menghadiri dan mempengerusikan Perbincangan Khas Raja-raja Melayu di Istana Negara. Kedua, Baginda telah mewasalkan atau menyampaikan tujuan perbincangan diadakan iaitu meminta pandangan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang pelantikan Perdana Menteri baharu susulan daripada Pilihan Raya Umum ke-15 pada 19 November 2022. Pada perbincangan tersebut Baginda mengingatkan bahawa pelantikan Perdana Menteri mestilah, pertama, mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 40(2) (a) yang mana "Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut, iaitu melantik seorang Perdana Menteri" dan yang kedua, Perkara 43(2) (a) "Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu (Perlembagaan Persekutuan, 2009)." Setelah memperhalusi titah pandangan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dengan penuh cermat dan teliti beserta pemerhatian yang mendalam, Baginda telah membuat keputusan terbaik demi kepentingan dan kesejahteraan negara serta rakyat dengan melantik Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen P.063, Tambun sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 40(2)(a) dan 43(2)(a). Setelah itu, kenyataan media telah dihebahkan untuk makluman orang ramai. Akhir sekali, istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri dilangsungkan di Istana Negara pada 24 November 2022.

Proses membuat keputusan ini memperlihatkan kepemimpinan KDYMM Seri Paduka Baginda. Baginda sebagai seorang yang adil dan saksama, tidak membuat keputusan berseorangan. Tanpa dipengaruhi mana-mana parti politik, Baginda mendapat pandangan Raja-Raja Melayu yang tidak berkepentingan dalam membuat keputusan dan mematuhi kuasa Baginda seperti yang diperuntukan di dalam Perlembagaan Malaysia. Seperti yang dilaporkan

Utusan Borneo Online bertarikh 6 Ogos 2017, Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah bertitah bahawa raja-raja Melayu lambang kedaulatan negara yang perlu melindungi kepentingan rakyat dari perebutan kuasa yang hanya meretakkan perpaduan. Kebijaksanaan KDYMM Seri Paduka Baginda dalam mengekalkan peranan Baginda sebagai pemimpin yang mengekalkan penyatuan rakyat terserlah melalui proses membuat keputusan ini.

Penggunaan Bahasa Istana

Penggunaan istilah Bahasa Istana dapat dilihat dalam kenyataan media tersebut. Hal Ini demikian, menunjukkan bahawa walaupun kenyataan itu dikeluarkan oleh wakil Istana Negara, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, kenyataan itu merupakan kenyataan daripada KDYMM Seri Paduka Baginda. Walau bagaimanapun, Bahasa Istana yang digunakan adalah minimal dan mengikut keperluan bagi memudahkan kefahaman rakyat jelata akan titah Baginda.

Kata ganti diri KDYMM Seri Paduka Baginda yang digunakan adalah 'Baginda'. Perkataan-perkataan lain yang digunakan adalah 'berangkat' (berlepas), 'berkenan' (bersetuju), 'titah' (kata atau perintah), 'menzahirkan' (memberi pandangan) dan 'menyeru' (melaungkan). Penggunaan istilah-istilah Bahasa Istana yang didapati dalam teks adalah dari segi hal-ehwal pelantikan Perdana Menteri di bawah bidang kuasa Raja. Perkataan-perkataan ini melambangkan kehalusan bahasa istana seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2016) dan Azura Halid (2022).

Penggunaan istilah Bahasa Arab

Istilah Bahasa Arab yang digunakan di dalam teks selain daripada perlambangan KDYMM Seri Paduka Baginda sebagai ketua agama Islam negara juga mempunyai maksud yang dalam semasa penyampaian sesuatu perkara. Antaranya 'mewasalkan', suatu istilah yang digunakan di dalam pembacaan tajwid bermaksud "to connect, join, unite, combine, interlock" atau dalam Bahasa Melayu 'memanjangkan' (Abdullah, 2022). 'Istiqomah' pula menurut Kamus Dewan (2005) adalah "ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus menerus". Rakyat diminta untuk sentiasa bersama berdoa secara berterusan untuk keberkatan, rahmat dan perlindungan agar negara terpelihara dan dijauhi daripada bencana. Ini meletakkan bahawa doa dan usaha rakyat selain pemimpin amat penting dalam memastikan keamanan negara.

Wakil rakyat juga diingatkan untuk 'merapatkan saf', satu istilah yang digunakan semasa umat Islam berdiri tegak bagi mengerjakan solat. Terma ini juga melambangkan disiplin semasa melakukan solat yang seharusnya mempengaruhi kehidupan seharian dalam membina keperibadian dan akhlak yang mulia. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa, terma ini bolehlah ditafsirkan sebagai kepentingan bersatu padu antara kaum umpama pepatah lain seperti, 'isi dengan kuku', 'bagai aur dengan tebing' dan 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'. Seperti saf atau barisan yang lurus dengan satu tujuan iaitu mengabdikan diri kepada Yang Maha Esa, semua pemimpin tanpa mengira latar belakang mempunyai tanggungjawab yang sama iaitu menjaga keamanan negara yang tercinta. Perutusan juga diakhiri dengan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Hal Ini menunjukkan bahawa pentingnya kita sentiasa berdoa dan bergantung kepada Allah Subhanahu Wata'ala sambil berusaha bersungguh-sungguh bagi melakukan tindakan sebaiknya kerana sebaik-baik perancang adalah Tuhan yang Maha Berkuasa.

Ciri-ciri Kepimpinan

Ciri-ciri kepimpinan Perdana Menteri turut disyorkan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda di dalam perutusan rasminya. Perdana Menteri perlulah mendapat 'kepercayaan majoriti' dan 'perkenan' KDYMM Seri Paduka Baginda dan Raja-Raja Melayu. Sesiapa yang dilantik dinasihatkan tidak mendabik dada atas kemenangan kerana 'yang menang tidak semua

menang dan yang kalah tidak semua kalah'. Pelantikannya dilantik demi 'kepentingan dan kesejahteraan negara serta rakyat'. Perdana Menteri juga mestilah menjadi 'pemegang amanah' dan 'memberi perkhidmatan terbaik' kepada negara. Rakyat juga 'tidak wajar dibebankan dengan kemelut politik'. Ahli-ahli Dewan Rakyat disarankan 'hulurkan tangan' bermaaf-maafan sesama mereka dan 'merapatkan saf'. Sekiranya negara tidak dipimpin dengan baik, negara akan menghadapi 'bencana' dan 'musibah'.

Di sini jelas bahawa Baginda amat prihatin akan betapa pentingnya rakyat dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang adil dan saksama. Baginda mengingatkan bahawa jawatan tersebut adalah amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas barisan jemaah menteri yang dilantik. Amanah itu memerlukan setiap menteri untuk terus bekerjasama dan saling memaafkan demi kepentingan rakyat.

Penggunaan Peribahasa Melayu

KDYMM Seri Paduka Baginda menggunakan peribahasa Melayu sebagai kiasan dalam kenyataan media Baginda. 'Bagaikan biduk lalu, kiambang bertaut' bermaksud perselisihan faham antara dua pihak yang akhirnya berbaik semula. Biduk melambangkan parti-parti politik yang bertanding semasa pilihan raya. Kiambang pula adalah sejenis tumbuhan yang terapung di dalam air disimbolkan sebagai sejenis tumbuhan yang akan kembali bertaut walaupun ditelusuri biduk ataupun perahu. Perdana Menteri dan kerajaan baharu juga diingatkan mengikut 'resmi padi, semakin berisi semakin tunduk', yang bermaksud apabila tinggi pangkat, seseorang itu semakin merendahkan diri dan tidak sombong. Sifat mengikut 'resmi lalang, makin berisi makin tegak' perlulah dijaui. Pemilihan unsur alam seperti padi penting kerana ia adalah makanan ruji masyarakat Malaysia dan salah satu sumber ekonomi negara (Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2016). Kedua-dua peribahasa ini mengajak pemimpin menjaga adab dan siasah mereka seperti yang dinukilkan dalam adat dan bahasa Melayu, bahasa rasmi Malaysia.

Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), peribahasa Melayu mempamerkan lima cabang falsafah iaitu kewujudan (metafizik), ilmu pengetahuan (epistemologi), moral (etika), logik dan estetik. Di dalam kertas kerja yang lain Ahmad Fuad Mat Hassan dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010) menyatakan bahawa penggunaan peribahasa menunjukkan jati diri penuturnya. Siti Haliza Yusop (2016) menegaskan peribahasa mampu membentuk insan yang berkekerampilan. Tambahan pula beliau menyatakan bentuk bahasa berkenaan berasaskan budaya tempatan dan tidak dipengaruhi oleh budaya asing.

6. Kesimpulan

Kenyataan media Istana Negara bertarikh 24 November 2022 bukan sekadar pengumuman tersurat tentang pelantikan Perdana Menteri ke-10 tetapi lebih kepada pelibatan, titah dan harapan KDYMM Seri Paduka Baginda terhadap Perdana Menteri yang telah dilantik. Kenyataan ini disusun dengan tujuan yang tegas dan jelas tetapi menggunakan bahasa yang cukup lembut dan sopan. Ia melambangkan adat dan budaya masyarakat Malaysia yang penuh sopan-santun. Teks ini telah memperlihatkan peranan aktif KDYMM Seri Paduka Baginda sebagai seorang pemimpin dalam membuat keputusan yang adil dan saksama demi kesejahteraan rakyat. KDYMM Seri Paduka Baginda juga turut memberikan nasihat dan peringatan yang cukup padat kepada Perdana Menteri dan barisan pemimpin lain yang dilantik dan akan dilantik akan tanggungjawab dan amanah yang digalas. Kajian berkaitan kenyataan media di negara ini boleh diperbanyakkan bagi melihat akan kekayaan maksud yang disampaikan melalui wadah ini.

Penghargaan

Ucapan terima kasih dirakamkan kepada penilai di atas cadangan yang diutarakan.

Rujukan

Abdullah, G. (2022). "Hans Wehr Dictionary - Apps on Google Play." Google. <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.muslimtechnet.hanswehr>.

Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010). Pengkategorian peribahasa Melayu berdasarkan aspek nilai dan pemikiran: Satu analisis pragmatik. <https://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/Zaitul-Azma-UPM-Pengkategorian-Peribahasa-.pdf>

Asmah Haji Omar (2016). Bahasa diraja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Azman Awang Pawi & Hayati Adnan (2022). Mengangkat Kedaulatan Institusi Diraja melalui Pengucapan Istana: Kajian Istiadat Pertabalan Diraja Negeri Pahang. *PENDETA*, 13(2), 17–29. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.fa.2.2022>

Azura Halid (2022, Jun 5). Dirgahayu bahasa istana: Membentuk budaya masyarakat yang luhur. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/dirgahayu-bahasa-istana-membentuk-budaya-masyarakat-yang-luhur-361461>

Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999). *Investigating communication: An introduction to research methods*. (2nd ed.) Boston: Allyn & Bacon

Jacobs, G. & Connor, P. (n.d). Press Releases. The WAC Clearinghouse. Colorado State University. <https://wac.colostate.edu/repository/resources/writing/guides/press-releases/#:~:text=The%20primary%20function%20of%20a,communication%20on%20a%20regular%20basis>

Kamus Dewan (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Kenyataan Media Istana Negara (2022, November 24). Facebook Istana Negara. <https://www.facebook.com/IstanaNegaraOfficial/>

Laman Web Rasmi Istana Negara (2019). https://pengurusan.istananegara.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=90&Itemid=597

Mastura Muhammad (2006). Prinsip dan konsep bentuk filem Nujum Pak Belalang. *Jurnal Skrin Malaysia* 3, 171-188. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/11601/>

Mohammad Khairol Nazwan Haji Karim (n.d.) Kepentingan bahasa dalam. <https://www.adat-istiadat.gov.bn/Shared%20Documents/KursusBengkel/Kepentingan%20Bahasa%20Dalam.pdf>

- Nik Safiah Karim & Rozita Che Rodi (2019). Bahasa Istana D'Raja Kelantan: Mercu kegemilangan budaya. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016). Padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu* 15(1), 26-49. <http://journalarticle.ukm.my/9956/>
- Noriah Mohamed. (1999). Sejarah sosiolinguistik bahasa Melayu lama. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nur Yuhani Mohd. Nasir, Rahmah Bujang & Eizan Mat Hussain (2016). Animasi cerita bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi teks dan persembahan. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa Manu* 23, 143-160. <https://doi.org/10.51200/manu.v23i0.285>
- Perlembagaan Persekutuan (2009). <https://www.jakess.gov.my/pdf/ENAKMEN/Perlembagaan%20Persekutuan%20.pdf>
- Salmah Jan Noor Muhammad (2014). Strategi utusan kerajaan dalam menjalin hubungan diplomatik pada zaman Kesultanan Melayu: PENDETA, 5, 113-144. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1198>
- Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy (2018). Bahasa dan implikatur: Tinjauan berdasarkan dialog filem Puteri Gunung Ledang. Di dalam Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy, Nazilah Mohamad, Mohd Faradi Mohamed Ghazali, Nor Hasimah Ismail (Eds.), *Dialog Kajian Melayu Kontemporari*, 39-55. Penerbit UniSA.
- Siti Haliza Yusop (2016, Mei 4). Peribahasa mampu bentuk penguasaan bahasa kanak-kanak. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/05/150254/peribahasa-mampu-bentuk-penguasaan-bahasa-kanak-kanak>
- Sortino, K. (n.d). What is a press release, and do they even matter in 2022? *Prezly*. <https://www.prezly.com/academy/what-is-a-press-release-and-do-they-even-matter-in-2022>
- Utusan Borneo Online (2017, Ogos 6). Raja Melayu bertanggungjawab lindungi rakyat dari perebutan kuasa: Sultan Nazrin. <https://www.utusanborneo.com.my/2017/08/06/raja-melayu-bertanggungjawab-lindungi-rakyat-dari-perebutan-kuasa-sultan-nazrin>
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Jaafar (2016). Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu*, 11, 99-109.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51. <http://journalarticle.ukm.my/2760/>
- Zulkeflee Yaacob (2009). Bahasa Istana Kelantan dari sudut sosiolinguistik [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia]. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/7566/1/ABS_---_FBMK_2009_17.pdf
- Zulkeflee Yaacob (2013, Jun 5-6). Variasi bahasa istana satu legasi masyarakat Malaysia [Prosiding]. Seminar Institusi Raja (SiRaj), Kuala Lumpur, Malaysia. <http://dspace.unimap.edu.my/handle/123456789/30824?show=full>



e-ISSN: 2682-7840